

Perbincangan *Board of Studies* di UTM KL: Penglibatan Prof. Ts. Dr. Alina Shamsuddin dalam Mesyuarat Lembaga Pengajian Pascasiswazah

Kuala Lumpur, 25 November 2025 –Prof. Ts. Dr. Alina Shamsuddin dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang dijemput sebagai panel akademik bagi memberikan pandangan strategik dalam pembangunan program baharu di peringkat pasca siswazah. Mesyuarat tersebut menghimpunkan pakar-pakar terdiri daripada:

- **Prof. Dr. Hasliza Abdul Halim** (Universiti Sains Malaysia)
- **Prof. Dr. Angela Lee Siew Hoong** (Sunway University)
- **Prof. Madya Dr. Suhana Mohezar Ali** (Universiti Malaya)
- **Dr. Humairah K.M. Abu Bakar** (Jabatan Digital Negara)
- **Mr. Mohd Afifi** (PETRONAS)
- **Mr. Nasrul Hazim Mohamed** (TechLead, UniKL)
- **Mr. Khor Swee Kweng** (SAS Institute Sdn. Bhd.)

Perbincangan merangkumi perkongsian perspektif strategik daripada akademik dan industri, sekaligus memperkayakan sesi dengan pelbagai pandangan multidisiplin. Perdebatan ilmiah yang konstruktif menumpukan kepada keperluan memperkukuh program pascasiswazah sedia ada serta merangka penawaran program baharu yang lebih kompetitif sejajar dengan keperluan industri digital masa hadapan.

Antara fokus utama sesi ialah penerokaan potensi pembangunan program di peringkat pasca siswazah sebagai inisiatif baharu Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Prof. Ts. Dr. Alina sebagai panel Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak tahun 2010 dan telah terlibat dengan pelbagai aktiviti pembangunan dan pemurnian program akademik telah menyumbangkan perspektif beliau khususnya dalam:

- kesejajaran program dengan kerangka MQF 2.0 dan keperluan kemahiran masa hadapan,
- keperluan kompetensi digital dalam bidang pengurusan moden,
- penekanan kepada analitik data, inovasi digital, tadbir urus teknologi dan kepimpinan berasaskan nilai,
- kepentingan fleksibiliti pembelajaran untuk menyokong pembelajaran golongan profesional bekerja.

Sesi tersebut turut menegaskan kepentingan kerjasama erat antara universiti, industri dan agensi kerajaan bagi memastikan penawaran program yang relevan, responsif dan berdaya saing di pasaran global.

